

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 2 APRIL 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah projek perumahan rakyat yang akan dibina pada tahun ini terutamanya di Sarawak. Dan di manakah lokasi projek ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Negeri Sarawak, sebanyak 8 projek (4110 unit) Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina, manakala 3 projek (832 unit) PPR sedang dalam pembinaan iaitu di Tabuan Melayu, Jalan Landeh dan Petrajaya, Kuching.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, 2 projek (961 unit) PPR masih dalam peringkat perancangan iaitu di Matang, Kuching dan Seduan, Sibu yang dijangkakan akan dilaksanakan dalam tahun 2019.

Sekian, terima kasih.